

17 SEP 2001

JENAZAH JAFFAR MOHAMED ALI SELAMAT DIKEBUMIKAN

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Jenazah Allahyarham Datuk Jaffar Mohamed Ali iaitu adik kepada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali selamat dikebumikan di tanah perkuburan Islam Jalan Ampang di sini hari ini.

Allahyarham meninggal dunia kerana diserang sakit jantung di Chicago, Amerika Syarikat Khamis lepas ketika bercuti bersama keluarganya.

Antara yang berada di tanah perkuburan ialah Dr Siti Hasmah, sanak saudara terdekat serta rakan-rakan Allahyarham yang terkenal sebagai tokoh dalam bidang pengiklanan.

Terdahulu, sejurus tiba di Stesen TUDM Subang dari Singapura, jenazah Allahyarham dibawa ke kediamannya di Jalan Ampang Hilir bagi membolehkan sanak saudara dan rakan-rakan serta orang kenamaan memberi penghormatan terakhir.

Antara yang berbuat demikian ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beberapa Menteri Kabinet, tokoh korporat serta rakan perniagaan serta kenalan Allahyarham yang lain.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin kemudiannya mengimamkan sembahyang jenazah yang turut disertai oleh Dr Mahathir, sebelum jenazah dibawa ke tanah perkuburan.

-- BERNAMA
MUM AKT MOZ